

**KESAN PENGGUNAAN PERISIAN CERITA INTERAKTIF
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KEFAHAMAN BACAAN BAHASA
MALAYSIA TAHUN DUA**

MALANI PETER LIMPAS

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI DIKEMUKAKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN
SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : KESAN PENGGUNAAN PERISIAN CERITA INTERAKTIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KEFAHAMAN BACAAN BAHASA MALAYSIA TAHUN DUA

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KOMPUTER DALAM PENDIDIKAN)

SAYA : MALANI PETER LIMPAS

SESI PENGAJIAN : 2011/2013

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(**MALANI PETER LIMPAS**)

(**DR. TAN CHOON KEONG**)

Alamat Tetap : PETI SURAT 177,
89257 TAMPARULI,
SABAH.

Tarikh : 5 Julai 2013

Tarikh : 5 Julai 2013

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



PENGAKUAN CALON

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

5 Julai 2013


Malani Peter Limpas
PT20107042C

PENGHARGAAN

Syukur Kepada Tuhan kerana dengan limpah kumia dan keizinan Nya dapatlah saya menyempurnakan laporan penyelidikan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia penyelidikan Dr Tan Choon Keong, yang telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan dorongan sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah yang pernah memberi tunjuk ajar dan menyalurkan ilmu penyelidikan dalam pendidikan. Tidak lupa kepada sekolah di mana kajian ini dijalankan dan semua murid-murid tahun dua yang telah menyumbang kepada kejayaan penyelidikan ini. Terima kasih.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada suami, En. Alouis Uming di atas segala kerjasama dan sokongan yang diberikan serta, anak-anak tersayang Alfred Adley, Alistair Adrey dan Allian Ayden yang telah memberikan kekuatan dan semangat untuk menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga untuk Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi tujuan penulisan laporan penyelidikan ini.

Semoga Tuhan membala jasa baik dan budi kalian.

ABSTRAK

KESAN PENGGUNAAN PERISIAN CERITA INTERAKTIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KEFAHAMAN BACAAN BAHASA MALAYSIA TAHUN DUA

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan penggunaan perisian kursus cerita interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman bacaan murid-murid tahun dua berpencapaian sederhana. Kajian juga meninjau persepsi murid terhadap perisian kursus cerita interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman Bahasa Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen. Sejumlah 50 orang menjadi sampel kajian dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan eksperimen (25 orang pelajar) menggunakan perisian kursus cerita interaktif dan kumpulan kawalan (25 orang pelajar) menggunakan kaedah pengajaran tradisional. Satu set soalan ujian pra bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia berkenaan tajuk-tajuk "*Titisan air*", "*Musang yang bijak*", "*Arnab menakutkan harimau*", dan "*Ibu ayam yang degil*", telah diberi kepada kedua-dua kumpulan tersebut sebelum mengikuti sesi pembelajaran bertujuan untuk menentukan pengetahuan sedia ada mereka. Selepas kedua-dua kumpulan ini mengikuti sesi pembelajaran mengikut kaedah yang ditetapkan, murid-murid diberi satu set soalan ujian pasca sebagai ujian pencapaian. Soal selidik diberikan kepada kumpulan eksperimen untuk meninjau persepsi penggunaan perisian kursus cerita interaktif. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan ujian-t sampel tak bersandar untuk memastikan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian kefahaman, morfologi dan sintaksis antara kumpulan eksperimen dan kawalan dalam ujian pra dan pasca. Analisis ujian-t menunjukkan penggunaan perisian cerita interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman bacaan menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian kefahaman ($t = 4.790$, $p < .05$), morfologi ($t = 7.489$, $p < .05$) dan sintaksis ($t = 4.289$, $p < .05$). Murid juga amat bersetuju penggunaan perisian kursus cerita interaktif menarik dalam pembelajaran Bahasa Malaysia dengan purata persetujuan 82.2 %.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the effectiveness of interactive story software in teaching and learning reading comprehension in Bahasa Malaysia for year two students in primary schools in Kota Kinabalu. This study also investigated students' perceptions regarding the use of interactive story software in teaching and learning Bahasa Malaysia. This study makes use of the quasi experimental design consisting of a pre and post-test in which 50 students were divided into two groups. The experimental group (25 students) were given interactive story software in teaching and learning and the control group (25 students) were taught by using the traditional instructional methodology. A set of pre-test Bahasa Malaysia questions on the topic "Titisan Air", "Musang Yang Bijak", "Arnab Menakutkan Harimau" dan "Ibu Ayam Yang Degil", were administered to the both experimental and control groups in order to gauge their background knowledge. They were then given instructions on using either courseware interactive story or the traditional methodology which was designed for their respective groups. Once this has done, the students were given another set of post-test questions which served as an achievement test. The questionnaire has given to the experimental group to survey the effectiveness of interactive story software. The results of this study were analyzed using independent samples t-test to determine whether there were significant differences in the mean achievement of comprehension, morphology and syntax between experimental and control groups in pre and post-test. T-test analysis showed that there was a significant difference in the mean of comprehension ($t = 4.790, p < .05$), morphology ($t = 7.489, p < .05$) and syntax ($t = 4.289, p < .05$). Students are also agree the use of interactive courseware story interesting in learning Bahasa Malaysia, with an average of 82.2%.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN CALON	i
PENGEHARGAAN	ii
PENGESAHAN STATUS TESIS	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

KANDUNGAN

BAB 1: PENDAHULUAN	Halaman
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Permasalahan	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	12
1.8 Definisi Pemboleh ubah Kajian	12
1.9 Kesignifikanan Kajian	14
1.10 Batasan Kajian	15
1.11 Rumusan	16
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Komputer Dalam Pendidikan	17
2.2.1 Pengajaran Berasaskan Komputer	18
2.2.2 Mengajar Tentang Komputer dan Mengajar Dengan Komputer	19
2.2.3 Aplikasi Tutor	21
2.2.4 Kebaikan dan Kelemahan Aplikasi Tutor	26
2.2.5 Aplikasi <i>Tool</i> (Alat Pengajaran)	27
2.2.6 Aplikasi <i>Tutee</i>	29
2.2.7 Strategi Aplikasi Komputer Dalam Kajian Ini	29

2.3	Teori Integrasi Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	30
2.3.1	Konstruktivisme dan <i>Directed-Instruction</i>	31
2.3.2	Konstruktivisme	33
2.3.3	<i>Directed-Instruction</i>	33
2.3.4	Strategi Pengintegrasian Teknologi Dalam Kajian Ini Berdasarkan Konstruktivisme	35
2.3.5	Strategi Pengintegrasian Teknologi Dalam Kajian Ini Berdasarkan <i>Directed-Instruction</i>	36
2.4	Integrasi Teori-teori Pembelajaran Dan Kaitannya Dalam Kajian Ini	37
2.4.1	Teori Realisme	38
2.4.2	Teori Dual Coding	39
2.4.3	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia	39
2.5	Pengajaran Berbantuan Komputer: Perisian Kursus	40
2.5.1	Integrasi Perisian Kursus Dalam Proses Pembelajaran	42
2.6	Kajian-kajian Lepas	43
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	48
2.9	Rumusan	49

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		Halaman
3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Pemboleh ubah Kajian	54
3.4	Prosedur Persampelan	55
3.5	Lokasi Kajian	56
3.6	Instrumen Kajian	56

3.6.1	Ujian Pencapaian (Ujian Pra dan Pasca)	57
3.6.2	Borang Soal selidik Persepsi Pelajar	58
3.7	Rawatan	58
3.8	Kajian Rintis	63
3.9	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	64
3.9.1	Kesahan Dalaman	64
3.9.2	Kebolehpercayaan	67
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	69
3.11	Prosedur Penganalisisan Data	70
3.11	Rumusan	72

BAB 4: ANALISIS DATA		Halaman
4.1	Pengenalan	73
4.2	Dapatan Kajian	73
4.2.1	Kesan Penggunaan Perisian Kursus E-kata Mengandungi Cerita interaktif Ke Atas Prestasi Pencapaian Kefahaman Dan Tatabahasa	73
4.2.2	Apakah Persepsi Murid Terhadap Perisian Kursus E-kata Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Tahun Dua	84
4.3	Rumusan	85

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN

DAN KESIMPULAN

	Halaman
5.1 Pengenalan	86
5.2 Ringkasan Kajian	86
5.3 Perbincangan Dan Kesimpulan	88
5.3.1 Kesan Penggunaan Perisian Kursus E-kata Mengandungi Cerita interaktif Ke Atas Prestasi Pencapaian Kefahaman Dan Tatabahasa	88
5.3.2 Persepsi Murid Terhadap Perisian e-kata Mengandungi Cerita Interaktif Dalam Pembelajaran Bahasa Malaysia	94
5.4 Implikasi Kajian	95
5.4.1 Pedagogi	95
5.4.2 Guru	96
5.4.3 Murid	97
5.4.4 Kementerian Pelajaran Malaysia	98
5.5 Cadangan Kajian Lanjut	98
5.6 Rumusan	101
RUJUKAN	103

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.1	Analisa Prestasi dan Gred Purata Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK) Pada Tahun 2010 dan 2011	8
Jadual 3.1	Pengagihan Soalan Ujian Pencapaian	60
Jadual 3.2	Pernyataan Hipotesis dan Jenis Analisis	71
Jadual 3.3	Pernyataan soalan Kajian dan Jenis Analisis	72
Jadual 4.1	Taburan Kekerapan Dan Peratus Skor Pencapaian Kefahaman Ujian Pra-pasca	74
Jadual 4.2	Skor, Beza skor, Min Dan Pencapaian Kefahaman Kumpulan Eksperimen Dan Kawalan Ujian Pra-pasca	75
Jadual 4.3	Ujian-t Tidak Bersandar Skor Kefahaman Ujian Pra-pasca Kumpulan Eksperimen Dan Kawalan	76
Jadual 4.4	Taburan Kekerapan Dan Peratus Skor Pencapaian Morfologi Ujian Pra-pasca	77
Jadual 4.5	Skor, Beza skor, Min Dan Pencapaian Morfologi Kumpulan Eksperimen Dan Kawalan Ujian Pra-pasca	78
Jadual 4.6	Ujian-t Tidak Bersandar Skor Morfologi Ujian Pra-pasca Kumpulan Eksperimen Dan Kawalan	80
Jadual 4.7	Taburan Kekerapan Dan Peratus Skor Pencapaian Sintaksis Ujian Pra-pasca	81
Jadual 4.8	Skor, Beza skor, Min Dan Pencapaian Sintaksis Kumpulan Eksperimen Dan Kawalan Ujian Pra-pasca	82
Jadual 4.9	Ujian-t Tidak Bersandar Skor Sintaksis Ujian Pra-pasca Kumpulan Eksperimen Dan Kawalan	83

Jadual 4.10 Persepsi Murid Terhadap Perisian Kursus e-kata Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Malaysia

Tahun Dua

84

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Kerangka Teoritikal Kajian	48
Rajah 3.1 Reka Bentuk Kuasi Eksperimen Dengan "Non-Equivalent Control Groups With Pretest-Posttest Design"	53
Rajah 3.2 Paparan <i>Snap Shot</i> Bahagian Pembelajaran	59
Rajah 3.3 Paparan <i>Snap Shot</i> Bahagian Mendengar dan Bertutur	60
Rajah 3.4 Paparan <i>Snap Shot</i> Bahagian Didik Hibur	60
Rajah 3.5 Paparan <i>Snap Shot</i> Bahagian Mendengar	61
Rajah 3.6 Paparan <i>Snap Shot</i> Bahagian Kuiz	61
Rajah 3.7 Paparan <i>Snap Shot</i> Cerita 'Amab Menakutkan Harimau'	62
Rajah 3.8 Paparan <i>Snap Shot</i> Cerita 'Musang yang Bijak'	62
Rajah 3.9 Paparan <i>Snap Shot</i> Cerita 'Ibu Ayam Yang Degil'	63
Rajah 3.10 Analisis Kebolehpercayaan Ujian Pra-Pasca	67
Rajah 3.11 Analisis Kebolehpercayaan Konsistensi Dalaman Soal selidik	68

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Ujian Pencapaian Bahasa Malaysia (Kertas 2)
- Lampiran B Borang Soal Selidik
- Lampiran C Kelulusan Khas Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan pelajaran Negeri Dan Bahagian-bahagian Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
- Lampiran D Kelulusan Khas Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan pelajaran Negeri Dan Bahagian-bahagian Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (JPN Sabah)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan elemen penting untuk menjadikan Pendidikan di Malaysia bertaraf dunia. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam usaha ke arah pembestarian sekolah menekankan inisiatif ICT berupa kemudahan perkakasan, perisian, latihan dan sokongan berterusan dalam bidang pendidikan. KPM menggariskan TMK dalam Pelan Induk Pendidikan (PIPP 2006 – 2010) adalah sebagai alat pemangkin dalam membangunkan modal insan untuk melahirkan generasi celik ICT (KPM, 2011). Antara pelaksanaan KPM adalah literasi ICT untuk semua murid memperoleh kemahiran menggunakan ICT, mengutamakan peranan dan fungsinya sebagai alat pengajaran dan pembelajaran serta menekankan penggunaan ICT untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan (KPM, 2007). Penggunaan TMK menjadi agenda utama KPM untuk menyediakan murid-murid dengan cabaran dan globalisasi dunia semasa.

Peranan teknologi maklumat menjadi begitu penting terutamanya dalam bidang pendidikan sebagai asas penyalur ilmu (Mohd Izam dan Noraini, 2007). Tambahan pula menurut Yahya dan Dayang Raini (2011), TMK bukan asing lagi, dengan adanya kemajuan dan kemudahan ini membolehkan ilmu lebih mudah diakses. Istilah Teknologi Maklumat dan Komunikasi bukan sesuatu yang baru kedengaran dalam kalangan pendidik dan pelajar. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi memudahkan penyaluran dan akses terhadap sesuatu jenis ilmu yang

pembelajaran di sekolah dan institusi pengajian tinggi, tidak dapat dinafikan teknologi komputer paling mendapat perhatian dan sambutan dalam kalangan warga pendidik sejak awal 1990-an sehingga kini (Ahmad Jelani, 2011). Manfaat TMK sebagai pengupaya, pemangkin dan pemacu kepada pembangunan modal insan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi menjadikan TMK menjadi begitu popular dalam kalangan pendidik dan pelajar.

Pembelajaran seawal usia kanak-kanak lagi merupakan asas pada pembelajaran berterusan di masa hadapan. Sewajarnyalah kanak-kanak didedahkan dengan asas-asas ilmu pengetahuan sewaktu persekolahan di pra sekolah mahupun di sekolah rendah. Pembelajaran berkesan dari usia kanak-kanak akan membentuk satu asas pembelajaran yang kukuh dan mantap bagi membantu mereka meneruskan pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi (Shahrifah Nor, 2002). Tugas untuk menanamkan asas pembelajaran yang kukuh dan mantap memerlukan komitmen dan kepakaran guru dalam bidang TMK. Tugas dan peranan sebagai modal insan yang bertanggungjawab memberikan pengajaran yang berkualiti , cekap dan berkesan tidak boleh dipandang ringan. Guru perlu menyediakan diri dengan perubahan teknologi agar mampu menyumbang ke arah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI). Sikap dan pemikiran proaktif terhadap TMK dalam kalangan guru membolehkan pelajar memperoleh ilmu pengetahuan pada kadar yang kerap, luas dan berkesan.

Murid-murid sekolah rendah merupakan aset negara pada masa hadapan bagi meneruskan kesinambungan bangsa dalam memajukan negara menjelang Wawasan 2020 (Abdul Rasid, 2011). Kerajaan menegaskan melalui dasar Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, bersatu, mampu berdikari, progresif dan makmur. Pernyataan ini terkandung dalam cabaran keenam yang bertujuan mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan (KPM, 2011).

1.2 Latar Belakang Permasalahan

Transformasi kurikulum sekolah rendah merupakan penyusunan semula dan penambahbaikan kurikulum sedia ada. Tujuan transformasi adalah untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21 (KPM, 2011). Lanjutan daripada itu, konsep kurikulum persekolahan rendah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat BIL.3/2009 pada dua Oktober 2009.

Konsep kurikulum persekolahan rendah iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah berdasarkan prinsip-prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. KSSR merupakan penambahbaikan terhadap KBSR. Dalam usaha KPM merealisasikan pembangunan modal insan dalam konteks TMK, konsep TMK merentas kurikulum diperkasakan lagi melalui KSSR dimana elemen TMK diberi tumpuan utama sebagai Elemen Nilai Tambah (ENT) (KPM, 2011). TMK merentas kurikulum adalah pengintergrasian TMK secara menyeluruh dan bersepadu bagi kesemua mata pelajaran termasuklah Bahasa Malaysia. Sehubungan dengan itu KPM melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah memurnikan semakan semula kurikulum persekolahan sekolah rendah dengan melaksanakan KSSR di sekolah-sekolah rintis seluruh negara.

Pengintegrasian TMK dalam kurikulum persekolahan rendah bermaksud, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi akan pelajari apabila ianya dilaksanakan dalam konteks mata pelajaran. Dengan kata lain, pengintegrasian adalah kesepadan antara elemen-elemen TMK dan kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran (KPM, 2010). TMK tidak semestinya digunakan sepanjang masa

pengajaran dan pembelajaran. Penggunaannya bergantung pada kesesuaian perisian dan mata pelajaran yang diajar. Matlamat utama pengintegrasian TMK adalah untuk

melibatkan pelajar dalam dalam pembelajaran bermakna dan bukannya untuk pelajar menggunakan teknologi semata-mata (Md Noor Bakar dan Rashita, 2011).

Sungguhpun penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran sudah tidak asing lagi dalam KBSR, namun pelaksanaan dan implikasinya tidak mencapai tahap yang diharapkan oleh kerajaan. Ini mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya termasuklah faktor-faktor seperti program pelaksanaan teknologi maklumat dan komunikasi yang tidak menyeluruh, kurikulum dan amalan pembelajaran yang terasing daripada penggunaan teknologi maklumat dan masalah kewangan (Abd. Rahim, 2000). Faktor-faktor yang dinyatakan di atas sedikit sebanyak menjelaskan pelaksanaan dan pengintergrasian TMK di sekolah-sekolah.

Terdapat banyak kekangan dan masalah yang melemahkan semangat guru-guru di sekolah rendah untuk mengintergrasikan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran seperti latar belakang, sikap dan tahap kemahiran TMK guru. Selain daripada itu masalah dari segi peralatan dan perisian serta penyenggaraan yang memerlukan kos besar. Semua masalah ini perlu diambil perhatian semua pihak sama ada di peringkat sekolah, JPN mahupun KPM. Masalah-masalah ini sepatutnya boleh diatasi sekiranya guru-guru sedar akan tanggungjawabnya di sekolah sebagai pendidik generasi akan datang serta memberi fokus pada tugas berat yang sedang digalas.

Seperi yang telah dijelaskan, KPM telah lama menggalakkan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun sehingga kini masih ada segelintir guru di sekolah-sekolah yang kurang bersedia dari segi tahap kemahiran TMK di samping sikap guru yang sukar menerima perubahan transformasi TMK dalam Pendidikan. Menurut kajian yang dibuat oleh Melvina Chung dan Jamaludin Bandusah (2010) sikap guru-guru Bahasa Melayu adalah pada tahap sederhana terhadap bahan bantu mengajar dan sumber TMK. Oleh kerana itu guru Bahasa Melayu perlu beransur-ansur

mengubah sikap dari aspek penggunaan bahan bantu mengajar dan sumber TMK untuk kebaikan bersama.

Guru merupakan modal insan yang akan mencorak pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Inisiatif TMK daripada KPM yang berupa perkakasan dan perisian komputer perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya. TMK tidak semestinya digunakan sepanjang waktu persekolahan. Bergantung pada kesesuaian pembelajaran dan kreativiti guru. Perisian kursus yang dibekalkan KPM ke sekolah-sekolah ada kebaikan dan keburukannya. Akan tetapi banyak kebaikan yang diperolehi daripada keburukan hasil penggunaanya.

Perisian pembelajaran biasanya melibatkan elemen-elemen multimedia yang menyeronokkan dan meransang minda. Melalui pengintergrasian perkakasan komputer dan perisian pembelajaran, elemen multimedia digunakan untuk mempersembahkan video bergerak, animasi yang canggih dan grafik berwarna beresolusi tinggi (Noor Azliza Che Mat dan Lilia Halim, 2002). Guru Bahasa Malaysia seharusnya mengambil peluang dari segi kelebihan perisian kursus Bahasa Malaysia yang biasanya mengandungi elemen-elemen multimedia. Ini kerana murid-murid sekolah rendah berpencapaian rendah dan sederhana memerlukan sesuatu bahan ransangan yang menarik dan memotivasi untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Namun ini tidaklah bermakna perisian pembelajaran akan menggantikan tugas guru mengajar di bilik darjah. Pengintegrasian perkakasan komputer dan perisian pembelajaran hanyalah sebagai pemangkin kepada murid untuk memperoleh pembelajaran yang berkualiti dan seterusnya melahirkan insan yang kreatif dan inovatif serta mampu menghadapi cabaran dunia semasa.

1.3 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia merupakan subjek yang penting dalam sistem pendidikan negara. Subjek ini menjadi asas penguasaan pembelajaran persekolahan rendah. Matlamat kurikulum Bahasa Melayu pula adalah untuk melengkapkan setiap murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan (Zurainu Mat Jasir dan Abdull Sukor Shaari, 2012).

Keterampilan berbahasa merangkumi kemahiran mendengar, memahami, membaca dan menulis dalam kurikulum Bahasa Melayu. Setiap kemahiran ini saling bergantungan antara satu sama lain. Contohnya kemahiran Membaca memerlukan pembaca memahami apa yang dibaca. Tujuan membaca bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberi makna kepada pembaca. Namun begitu masih ramai murid di sekolah rendah yang gagal memahami kandungan teks yang dibaca. Dapatan kajian Abdul Rasid Jaiman, (2011) menunjukkan kegagalan responden memahami isi kandungan teks yang dibaca adalah yang paling tinggi. Penguasaan aspek berbahasa seawal sekolah rendah lagi penting untuk mencapai kecemerlangan pada masa hadapan. Lebih daripada itu, penguasaan subjek Bahasa Malaysia yang baik adalah syarat masuk ke institusi pengajian tinggi awam KPM (2010).

Pengenalan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMBI) pada tahun 2010 dalam kurikulum persekolahan mempunyai hubungkait dengan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah rendah. Memartabatkan Bahasa Melayu bermaksud meletakkan bahasa itu pada tempat teratas sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dalam perkara 152 perlembagaan Malaysia. Menurut KPM (2010) dalam buku MBMBI tujuan utama dasar ini adalah untuk memartabatkan Bahasa Melayu kerana ianya merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu untuk membina negara bangsa demi mencapai hasrat 1Malaysia. Perlaksanaan dasar ini, di

sekolah rendah telah memperuntukkan sekolah-sekolah terpilih dengan perkakasan dan perisian komputer yang boleh disesuaikan dengan kurikulum Bahasa Malaysia.

Selain daripada dasar MBMBI untuk memartabatkan Bahasa Malaysia, guru-guru Bahasa Malaysia haruslah sentiasa menanamkan dalam minda bahawa Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) merupakan peperiksaan yang paling penting dalam persekolahan rendah. UPSR adalah program pengujian yang ditadbir secara berpusat untuk menilai pencapaian kognitif pelajar di akhir sekolah rendah. Peperiksaan ini diambil oleh pelajar di akhir tahun enam persekolahan rendah. Objektifnya ialah untuk menilai pencapaian pelajar sekolah rendah dalam kemahiran asas mereka seperti membaca, menulis dan mengira dalam lima mata pelajaran, termasuk Bahasa Melayu - Pemahaman dan Bahasa Melayu - Penulisan. Berikut adalah analisis prestasi dan gred purata Bahasa Melayu - Pemahaman tahun 2011 berbanding 2010.

Jadual 1.1: Analisis Prestasi dan Gred Purata Bahasa Melayu – Pemahaman UPSR Sekolah Kebangsaan (SK), Tahun 2010 Berbanding 2011

Mata Pelajaran	Tahun	Bil. Duduki	Peratus Calon						GPMP
			A	B	C	ABC	D	E	
011 Bahasa Melayu – Pemahaman	2010	370,731	47.5	20.8	24.7	93.0	4.5	2.5	1.94
	2011	371,815	49.4	18.7	26.0	94.1	3.7	2.2	1.90
	Beza	1,084	1.9	-2.1	1.3	1.1	-0.8	-0.3	-0.04

(Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012))

RUJUKAN

- Abdul Razak Habib dan Jamaluddin Badusah. 1998. Penggunaan komputer untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan* 23, 75-91.
- Abdul Rahim Mohd. Saad. 1998. *Anjakan Paradigma Atau Evolusi Paradigma: Peranan Teknologi Pendidikan Ke Arah Kecemerlangan Dalam Pendidikan*. Siri Syarahan Perlantikan Profesor 1995/Bil 6. Universiti Sains Malaysia.
- Abu Seileek, A.F. dan Rabab'ah, G.A. 2007. The Effect Of Computer-Based Grammar Instruction On The Acuistion Of Verb Tenses In An EFL Context. *The JALT CALL Journal*. 3 (1-2): 59-80.
- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid sekolah Rendah Di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1): 1-12.
- Ahmad Jelani Shaari. 2011. *Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Teknologi Komputer*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Allessi, S. M. dan Trollip, S. R. 1991. *Computer-based instruction: Methods and Developmen*. Edisi ke-2. New Jersey: Prentice Hall.
- Allessi, S. M. dan Trollip, S. R. 2001. *Multimedia for learning: Methods and Development*. Edisi ke-6. Boston: Allyn and Bacon.
- Andrew, R. 2004. *The Impact On Literacy Education*. London: RoutledgeFalmer.
- Auzar. 2012. Keberkesanan Penggunaan Perisian Asas Membaca. *GEMA Online™Journal of Language Studies*. 12(2): 629-644
- Azura Ishak, Zakaria Kasa, Mohd Hasan Selamat dan Bahaman Abu Samah. 2009. Perbandingan Pengajaran Berasaskan Multimedia dan Tradisional ke Atas Pencapaian Matematik dan Sikap Matematik di Kalangan Pelajar Berisiko. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia*. 5(2009): 79 -89
- Bell, J. 2005. *Doing Your Research Project: A Guide For First Time in Education*. Edisi ke-4. England: Mc Graw-Hill.
- Chenu, F., Gayraud, F., Martinie, B. dan Wu, T. 2007. Is Computer Assisted Language Learning (CALL) Efficient For Grammar Learning?. An Experimental Study In French As A second Language. *The JALT CALL Journal* 3 (3): 85-93.
- Chua, Y.P. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill.
- Christensen, L. (1988). *Experimental Methodology*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.

- Gay, L., dan Airasian, P. (2000). *Educational Research: Competencies For Analysis and Application*. Edisi ke-6. Columbus, OH: Merill.
- Gay, Mills, dan Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies For Analysis and Application*. Edisi ke-8. Columbus, OH: Merill.
- Goh, B.C. 2009. *Pengurusan Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Gulbahar,Y. dan Guven, I. 2008. Asurvey On ICT Usage And The Perception of social studies teachers In Turkey. *Educational Technology And Society*. **11**(3):37-51
- Handler, M,. 2007. *Integrating Technology Into The Instructional Process 2007. Annual Report*. Article 7. Edisi Ke-12. USA: Mc Graw Hill.S
- Irene Cheng. 2008. Assesing Rytham Recognition Skill In A multimedia. *Educational Technology Journal* **126** (4): 769-780
- Jamaluddin Harun dan Zaidatun Tasir. 2000. *Pengenalan Kepada Multimedia*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Jamaluddin Harun dan Zaidatun Tasir. 2003. *Multimedia Dalam Pendidikan*. Bentong:PTS Publication & Distributors.
- Johnson, B., dan Christensen, L. 2000. *Educational Research: Quantitative Approaches*. MA: Allyn and Bacon.
- Jonassen,D.H. (1991). Objectivism Versus Constructivism: Do We Need ANew Philosophical Paradigm? *Journal Educational Technology Research AndDevelopment*. **39**(3), 5-14.
- Johny Suah. 2006. *Hubungan Pengetahuan, Sikap Dan Penggunaan Komputer Dalam Kalangan Guru-Guru Di Sekolah Rendah Daerah Tuaran*. Tesis Sarjana.Universiti Malaysia Sabah.
- Kassim Abas. 2009. *Media Dalam Pendidikan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). 2011. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah,Buku Panduan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Merentas Kurikulum*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). 2011. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah,Modul Teras Asas, Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 2*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). 2001. *Pembelajaran Secara Konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Kumar, R., 2005. *Research Methodology, A Step by Step Guide For Beginners*. Edisi ke-2. London: Sage Publication.
- Lay, Y.F, dan Khoo, C.H. 2012. *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Leask, M dan Meadows, J. 2000. *Teaching and Learning with ICT in Primary School*. New York: RoutledgeFalmer.
- Lee, S.M., 1997. *Psikologi Pendidikan 2, Teori dan Aplikasi Psikologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- McBrien, J.L dan Brandt,R.S. (1997). *The Language of Learning: A Guide to Education Terms*. Alexandria VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Md Nor Bakar dan Rashita A. Hadi. 2011. Pengintergrasian ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik Di Kalangan Guru Matematik Di Daerah Kota Tinggi. *Journal of Science and Mathematics Educational*. 2 (1): 1-17.
- Merill, P.F., Hammons, K., Vincent, B.R., Reynolds, P.L., Christensen, L. dan Tolman, M. 1996. *Computers In Education*. Needham Height, MA: Allyn and Bacon.
- Mokhtar Ahmad. 2002. *komputer Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Saujana Global.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan Soal selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Izham dan Noraini Attan. 2007. Tahap Kesediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan komputer Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal/Teknologi*. 46(E): 45-60.
- Melvina Chung Hui Ching dan Jamaludin Badusah. 2010. Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran di Sekolah-sekolah Rendah di Bintulu, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(1): 59-65.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Naba'h, A.A., Hussain, J., Al Qmari, A. dan Shdeifat, S. 2009. The Effect Of Computer Assisted Language Learning In Teaching English Grammar On The Achievement Of Secondary Students In Jordan. *The International Arab Journal Of Information Technology*. 6 (4): 431-439.

- Nor Ilyani Harun, Ahmad Fauzi Mohd Ayub dan Fadzilah Ab. Rahman. 2012. Keberkesanan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran Dan pembelajaran Tatabahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 2 (1): 31-42.
- Noor Azliza Che Mat dan Lilia Halim. 2002. Reka Bentuk Dan Keberkesanan Pembelajaran Berbantuan Multimedia Pendekatan Konstruktivisme Bagi Sains KBSM. *Jurnal Teknologi*.36 (E): 19-38.
- Nur Aisyah Mohamad Noor, Zamri Mahamod, Afendi Hamat dan Mohamed Amin Embi. 2012. Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Multimedia Dalam Pembelajaran Komsas Bahasa melayu Tingkatan 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 2 (1): 1-16.
- Othman Lebar. 2006. *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod*.Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pang, V., Yap, Y.K dan Tam, Y.M.1992. *Buku Sumber Komputer dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- "Penilaian Perisian-Perisian Kursus Kementerian Pelajaran Malaysia" (atas talian) http://www.msclmalaysia.my/sites/default/files/pdf/publications_references/Pe nilaian_Perisian_-_Perisian_Kursus.pdf. Dicetak 13 September 2012.
- Rao, G.S, Rao. A.K, Zoraini Wati Abas dan Wan Fauzy Wan Ismail.1991. *Pembelajaran Berbantuan Komputer*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Roblyer, M.D dan Aaron, H.D. 2013. *Intergrating Educational Technology Into Teaching*. Edisi ke-6. Boston: Pearson.
- Roblyer, M.D. 2003. *Integrating Educational Technology Into Teaching*. United State: Prentice Hall.
- Roblyer, M.D. dan Schwier, R. 2003. *Integrating Educational Technology Into Teaching*. Toronto: Prentice Hall.
- Rosinah Edinin. 2011. *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon.
- Roslan Diming. 2006. *Hubungan Sikap dengan Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Daerah Sandakan*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Shaharuddin Bin Md Salleh dan Zaidatun Binti Tasir. 2011. Pembinaan Sistem Pembelajaran berdasarkan Simulasi Interaktif menerusi Web bagi Kursus Telekomunikasi dan Rangkaian. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*. 1(1): 49-61.

- Sharifah Nor Puteh dan Kamarul Azman ABD Salam. 2011. Tahap Kesediaan Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja Dan Tingkah Laku Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 36(1): 25-34.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Hajar Abdul Aziz dan Marina Mat Isa. 2011. *Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun 2 Sekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. 2003. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Sulaiman Ngah Razali. 2002. *Pedagogi Teori Dan Praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, R.P. 1980. *The Computer In The School: Tutor, Tool, Tutee*. New York. Teachers College Press.
- Tajul Ariffin Noordin dan Nor Aini Dan. 1992. *Pendidikan dan Wawasan 2020, (Falsafah, Perguruan dan Persekolahan)*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu (M).
- Verma, R dan. Sharma, K.S. 1998. *Modern Trends In Teaching Technologi*. New Delhi: Anmol publication.
- Wiersma, W. 2005. *Research Method In Education*. Edisi ke-6. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Yahya Othman dan Dayang Raini Pakar. 2011. Kesan Aplikasi Perisian Cerita Interaktif Semasa Mengajarkan Kemahiran Bacaan Dan Kefahaman Dalam Kalangan Murid Tahun Empat Di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1 (1): 2
- Zurainu Mat Jasin dan Abdull Sukor Shaari. 2012. Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham Dalam Pengajaran Komsas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.2 (1): 79-92.